

R B851 DEB

MAHATHIR - PELANCONGAN

KUALA LUMPUR, 31 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGUR SIKAP BEBERAPA KERAJAAN NEGERI YANG MEMBELANJAKAN WANG YANG BANYAK BAGI MEMBINA PROJEK-PROJEK PELANCONGAN BARU ATAU MENGHANTAR ROMBONGAN GALAKAN PELANCONGAN KE LUAR NEGERI SECARA +AD HOC+.

MENURUTNYA, TINDAKAN SEPERTI ITU TIDAK MENDATANGKAN HASIL YANG MENGGALAKAN.

SEBALIKNYA, KATANYA, KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI DAPAT MENJIMATKAN BELANJA MELALUI USAHA MEMPERINDAHKAN DAN MEMPERTINGKATKAN KEBERSIHAN SERTA MEMPERBANYAK KEMUDAHAN PELANCONGAN YANG ADA SEKARANG.

+YANG PERLU DIBUAT KINI IALAH PUSAT-PUSAT DAN TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN YANG ADA DISELENGGARA, DIPERBAIKI DAN DIJAGA DENGAN BAIK SERTA KEBERSIHANNYA DIPELIHARA,+ KATANYA PADA PERASMIAN PERSIDANGAN DUA HARI MENGENAI PELANCONGAN KEBANGSAAN DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEKIRANYA KERJA-KERJA ITU TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN, TIDAK GUNA SESEBUAH NEGERI ITU MENCURAHKAN LEBIH BANYAK PELABURAN BAGI MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK BARU. -- LAGI

1204MST 31 10 86

R B852 DEB

MAHATHIR - PELANCONGAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, PROJEK-PROJEK BARU YANG TIDAK +DIJAGA+ DENGAN BAIK AKAN MENYEBABKAN KERUGIAN DAN PELABURAN AWAM MENJADI SIA-SIA.

+JIKA TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN SEKARANG DIJAGA DENGAN BAIK, IA DAPAT MENARIK LEBIH BANYAK PELANCONG KERANA PARA PENGUSAHA PELANCONGAN AKAN LEBIH SENANG MEMASUKKAN PUSAT-PUSAT PELANCONGAN ITU KE DALAM IKLAN MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MAHU KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MENUMPUKAN SUMBER-SUMBER YANG ADA BAGI MEMASTIKAN BANDAR-BANDAR, JALAN-JALAN, PANTAI DAN PERAIRAN BERDEKATAN, HOTEL-HOTEL, KEDAI-KEDAI MAKAN DAN SEBAGAINYA SENTIASA BERSIH DAN SELESA.

+USAHA SEPERTI INI AKAN LEBIH BERKESAN DARI SEGI MENARIK PELANCONG DARIPADA MENAMBAHKAN TEMPAT-TEMPAT PELANCONGAN YANG TIDAK BERUPAYA DIURUS DENGAN BAIK,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGESA PARA PENGUSAHA PELANCONGAN TEMPATAN MEMPERTINGKAT USAHA MENARIK PELANCONG DARI LUAR NEGERI DI SAMPING MENGGALAKAN PENDUDUK TEMPATAN MELANCONG DALAM NEGARA SENDIRI. -- LAGI

1222MST 31 10 86

MAHATHIR - PELANCONGAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEMASUKAN PELANCONG ASING SECARA KUMPULAN KE NEGARA INI MASIH KECIL DAN KEBANYAKANNYA DIKENDALIKAN OLEH PARA PENGUSAHA PELANCONGAN LUAR NEGERI.

+OLEH ITU PARA PENGUSAHA PELANCONGAN TEMPATAN PERLU BEKERJASAMA DENGAN AGENSI-AGENSI PELANCONGAN LUAR NEGERI BAGI MENARIK LEBIH BANYAK PELANCONG BERKUMPULAN KE NEGARA INI,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENINGATKAN INDUSTRI PELANCONGAN TEMPATAN BAHAWA MALAYSIA BUKAN BERSENDIRIAN DALAM MENGGALAKKAN PELANCONGAN DAN TERPAKSA BERSAING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN BAGI MENDAPATKAN SUMBER PENDAPATAN DARIPADA PELANCONGAN.

+LANGKAH YANG POSITIF UNTUK MENJADIKAN NEGARA INI LEBIH MAMPU BERSAING IALAH DENGAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELANCONGAN YANG SESUAI DENGAN KEHENDAK DAN SELERA PARA PELANCONG,+ TAMBAHNYA

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MAHU KERJASAMA ANTARA PELBAGAI KOMPONEN INDUSTRI PELANCONGAN DIPERTINGKATKAN BAGI MEWUJUDKAN SATU +PACKAGE+ YANG DAPAT MENARIK SERTA MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK PELANCONG LUAR NEGERI SERTA PARA PELANCONG TEMPATAN MELANCONG KE NEGARA INI.

KATANYA, IKLAN-IKLAN DAN USAHA-USAHA PERHUBUNGAN AWAM PERLU DIPERBAHARUI UNTUK MENDAPATKAN PUBLISITI MAKSIMUM DENGAN KOS YANG RENDAH. -- BERNAMA.

1246MST 31 10 86